

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



KHUZAIMAH SULAIMAN  
**Guru Biasa yang Luar Biasa**  
Nuun Creative Books, 2016  
ISBN: 9789671176269

### ULASAN

Seorang guru perlu ada sikap positif dalam diri dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan potensi diri supaya dapat menjadi seorang guru yang luar biasa. Guru biasa yang luar biasa merupakan tajuk yang telah dipilih oleh penulis untuk memenuhi satu slot ceramah atas satu jemputan menyampaikan ceramah di sebuah sekolah. Rentetan daripada itu, penulis telah memilih tajuk ini untuk dibukukan.

Pada hemat penulis, guru biasa yang luar biasa adalah guru yang cekap dan berprestasi cemerlang. Guru yang cemerlang adalah seorang yang perlu memiliki sikap yang sentiasa positif. Melalui pemerhatian dan pengalaman peribadi penulis, apabila seorang guru berhasil melonjakkan potensi diri, maka guru yang kelihatan biasa-biasa sahaja akan melonjak menjadi guru luar biasa.

Buku yang berbentuk ilmiah ini menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami serta turut menggunakan hadis. Tujuan utama penulis menulis buku ini adalah dengan niat untuk berkongsi pengalaman penulis kepada bakal guru, yang sedang menjadi guru dan pesara guru bagi menambah bahan bacaan, rujukan,

bimbingan dan juga sebagai panduan. Penulis telah mencadangkan 20 tips bagi melonjakkan potensi diri supaya menjadi guru yang luar biasa. Tips-tips ini adalah daripada pemerhatian dan pengalaman penulis yang telah berkecimpung selama 31 tahun di dalam bidang pendidikan.

Seorang guru perlu ada matlamat diri yang jelas iaitu wawasan jangka panjang, wawasan jangka sederhana dan wawasan jangka pendek. Setiap wawasan ini, perlu dilakukan dengan usaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Niat yang betul juga amat penting dalam apa jua yang kita lakukan kerana ia akan menjadi ibadah dan mendapat ganjaran daripada yang Maha Berkuastra. Penulis telah merujuk kepada hadis untuk mengulas berkenaan tips ini bagi membolehkan pembaca lebih memahami maksud yang hendak disampaikan. Guru yang cemerlang perlu berintegriti dalam melaksanakan tugas iaitu melakukan sesuatu dengan betul walaupun tidak ada sesiapa yang nampak hanya dengan niat kerana Allah SWT. Antara perkara yang tidak berintegriti adalah seperti tidak mengisi dan menghantar Buku Rekod Mengajar, tidak menanda buku latihan murid, menggunakan peralatan pejabat / sekolah untuk kegunaan sendiri, mengetik kehadiran orang lain, mengambil cuti tanpa kebenaran, menipu sijil sakit dan keluar ketika waktu bekerja tanpa kebenaran.

Amanah adalah tanggungjawab seseorang individu. Guru perlu tahu dan sedar tugas yang digalas oleh mereka merupakan satu amanah yang telah dipertanggungjawab ke atas mereka. Oleh itu, tugas perlu dilaksanakan dengan baik, sentiasa ikhlas, berfikiran positif dan hanya mengharapkan pertolongan dari Allah SWT apabila dalam kesusahan. Selain itu, berkomunikasi dengan berkesan dapat menghindarkan daripada berlaku perselisihan faham antara satu sama lain. Guru yang luar biasa perlu mengambil pendekatan dengan saling berkomunikasi antara satu sama lain supaya dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Semasa di sekolah semua guru perlu sepakat bekerjasama untuk merealisasikan misi dan visi sekolah dengan mengamalkan budaya kerja berpasukan. Bagi mencapai sesuatu yang luar biasa kerja dan usahanya juga mesti luar biasa. Malahan guru juga perlu menjadi teladan yang baik kepada anak didiknya. Penulis

telah mencatatkan pesanan Imam Al-Ghazali kepada guru anaknya di dalam buku ini. "Wahai guru yang akan mengajar anakku. Jagalah tingkah lakumu, perangaimu dan juga budi pekertimu, sebab anak aku akan lihat dan tiru perangaimu." Melalui pengalaman penulis, perkara ini memang betul-betul terjadi dan dicatatkan di dalam buku ini. Justeru, guru yang luar biasa perlu berusaha menjadi contoh dan teladan yang baik kepada pelajarnya.

Penulis berjaya menyampaikan tips-tips guru biasa yang luar biasa dengan berkongsi pengalamannya. Penulis juga ada membuat rujukan melalui teks terjemahan asal daripada kitab terbitan Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri 1986 (versi jawi), 'Terjemahan Riyadatus Salihin' oleh Imam An-Nawawi (rahimullah) dan Jilid 1, Bab Ikhlas. Buku ini sangat sesuai dibaca kerana ia dapat memberi motivasi kepada pembaca supaya sentiasa mengambil sikap positif, berusaha untuk memajukan diri walau dalam apa juar bidang yang diceburi, sentiasa ikhlas dan mengharapkan keredhaan Allah SWT dalam melaksanakan tugasan.

Pengulas:


**Norhasrifah Maakhir**

Penolong Pustakawan S29

Penyelia Zon 4, PD PNM Negeri Perak

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



**BUYONG ADIL  
Sejarah Selangor**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.  
ISBN 9789834922832

## ULASAN

Buku ini ditulis oleh Allahyarham Tuan Haji Buyong Adil yang merupakan tokoh sejarawan negara yang terkenal dalam bidang penghasilan karya-karya sejarah Malaysia. Minat beliau terhadap tema sejarah ini mungkin dipengaruhi oleh jawatannya sebagai pengarang khusus dalam bidang sejarah sepanjang berkhidmat dalam sektor kerajaan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Beliau juga telah menghasilkan pelbagai siri sejarah negeri-negeri di Malaysia dan menjadikan karya beliau menjadi rujukan pada peringkat sekolah sehingga peringkat pengajian tinggi. Matlamat utama beliau dalam menulis buku ini untuk mendedahkan beberapa peristiwa dan pergolakan yang berlaku semasa dalam pemerintahan raja-raja di Selangor bermula pada masa 300 tahun sebelum Masihi.

Buku ini amat menarik untuk dibaca kerana penulis telah menerapkan unsur-unsur akademik yang boleh dijadikan sumber rujukan utama bagi mengenali dan memahami latar belakang sejarah negeri Selangor. Tambahan pula, buku seperti

ini memerlukan pengalaman yang mendalam dalam meneliti isi kandungannya agar tidak bercanggah dan boleh digunakan kepada generasi yang akan datang.

Latar belakang masa kajian bermula dengan sejarah negeri Selangor pada zaman purbakala sehingga zaman pemerintahan Raja-Raja Melayu. Merangkumi tentang sejarah negeri Selangor yang melibatkan juga nama-nama beberapa buah tempat seperti Kelang, Jeram, Langat dan Selangor (Kuala Selangor) yang di bawah taklukan Kerajaan Melayu Melaka. Skop kajian oleh penulis juga telah merungkai dengan terperinci sepanjang kejatuhan Melaka dan menjadi rebutan kepada penajah di Portugis (di Melaka) Johor, Aceh dan Siam.

Selain itu, buku ini juga telah menggariskan beberapa kesan dan akibat penglibatan serta campur tangan kuasa asing (luar) dalam bidang pentadbiran, sosial dan ekonomi. Perlombongan biji timah adalah ekonomi yang pesat pada awal kurun Masihi yang ke-19 semasa pemerintahan Sultan Ibrahim di Selangor. Keadaan ekonomi ini telah mendesak pendatang dari negara China untuk mengerjakan lombong di daerah Lukut sebelum dimasukkan ke dalam daerah Sungai Ujung (Negeri Sembilan). Keadaan ini telah menyebabkan kaum Cina telah membentuk kongsi gelap dan bersepakat dengan pembesar-pembesar Selangor untuk merebut kekayaan negeri itu.

Di samping itu, penulis telah menyatakan orang-orang Bugis dari Tanah Bugis (Sulawesi) telah bermastautin di negeri Selangor sejak tahun kurun Masihi yang ke-17 lagi. Sebagai tambahan dalam karangan R.J. Wilkinson yang mengatakan orang Bugis yang membuka kediaman di Selangor bernama Daing Lakani akan tetapi tidak ada sumber yang sahih akan perkara itu semasa zaman bawah kuasa kerajaan Johor. Dalam buku ini juga telah diperlihatkan kronologi zaman pemerintahan Raja-Raja Melayu di Selangor. Sebagai tambahan, penulis telah meletakkan daftar nama-nama Sultan Selangor beserta gambar rajah salasilah Sultan Selangor.

Penulisan ini bersifat penyelidikan dan menganalisis setiap fakta sehingga kaitan antara negeri Selangor dengan campur tangan asing dirungkai menjadi sumber

rujukan Sejarah Melayu pada hari ini. Hal ini setelah diamati, selepas kejatuhan raja Melayu atau kemangkatan raja Melayu pada zaman tersebut, kuasa asing akan mencari peluang untuk merebut hasil-hasil yang ada di dalam negeri Selangor pada ketika itu.


Penulis amat berharap agar setiap apa yang berlaku pada zaman awal sejarah menjadi pengajaran dan dijadikan iktibar buat pembaca pada zaman kita pada hari ini. Secara umum penulisan buku ini amat sesuai dibaca oleh generasi muda khususnya agar dapat mengenal sejarah negara dengan lebih dekat lagi.

Pengulas:

**Anis Farhain Binti Azman**  
Pelajar Praktikal  
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat  
(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



RAMLEE AWANG MURSHID

**Fiksyen 302**

Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn.Bhd, 2016.

ISBN: 9789672239154

## ULASAN

Mengikut dapatan daripada kajian terkini 1 daripada 6 orang rakyat Malaysia didapati mengalami masalah mental dan lebih kurang 30 % pesakit mental adalah penghidap penyakit neorosis iaitu satu perubahan tindak balas yang ganjil tanpa sedar. Statistik mengenai masalah sakit mental ini semakin hari semakin meningkat dan sangat membimbangkan. Kesedaran masyarakat yang sebelum ini sangat tepu dan mengaibkan tentang penyakit mental ini harus diberikan sedikit jentikan kesedaran melalui perbagai medium demi menyebarluaskan ilmu berkaitan permasalahan ini. Seperti mana yang kita sedia maklum jika sikap masyarakat terus mengabaikan masalah ini dan tidak ditangani dengan sebaiknya boleh mendatangkan ancaman kepada diri mangsa dan orang yang berada di sekitarnya.

Novel Fiksyen 302 hasil nukilan Saudara Ramlee Awang Murshid ini memfokuskan permasalahan berkenaan penyakit mental sebagai tajuk utama untuk dikupas. Fiksyen 302 berkisar tentang kejahatan dan jenayah yang

dilakukan oleh manusia yang ingin melepaskan kemarahan ,ketidakpuasan hati dan perasaan dendam membuat-buak yang membawa kepada kes bunuh beramai-ramai dengan mempergunakan pesakit penyakit mental yang sudah pulih untuk menjalankan agenda jahat ,licik ,tersusun dan sangat kejam. Penyalahgunaan ilmu tentang psikiatri yang sepatutnya untuk membantu pesakit digunakan dengan cara yang salah untuk menjadikan mereka orang suruhan bagi mencapai hasrat yang terpendam

Plot -plot pembunuhan manusia yang melibatkan mangsa-mangsa yang terdiri daripada bekas pesakit mental yang telah pulih untuk melangsakan dendam dan kesumat kepada musuh-musuh ditonjolkan oleh penulis sebagai satu kekejaman yang harus digeruni di peringkat awal dan pertengahan cerita. Tetapi bila helaian terakhir selesai dibaca telah menukar persepsi kekejaman yang sebenar bukan pada pembunuhan kejam itu tetapi sikap mengambil kesempatan atas kelemahan dan ketidakupayaan insan-insan yang lemah hingga menjerumus mereka dalam kancang jenayah berat yang akan mensabitkan mereka ke tali gantung sekiranya tidak dibantu.

Kupasan penulis setiap plot dari permulaan ,pertengahan dan penghujung ada masanya membuatkan kita tidak sabar dengan terlalu banyak watak baru yang ditambah yang masing-masing meminta permasalahan menjadi rumit dan sukar untuk diteka dan diuraikan. Watak Zonan yang di cari-cari cukup pandai disembunyikan dengan menghidupkan watak-watak yang lain agar debaran berterusan hingga ke penamat.

Walaupun plot dan jalan cerita yang dilakarkan sulit dan berat untuk disesaikan tetapi gaya bahasa yang digunakan tidak membebankan apabila penulis menggunakan bahasa yang ringan dan mudah difahami tetapi tetap ditambah dengan huraian fakta mengenai penyakit dan sedikit info sains bagi menguatkan setiap plot dan jalan ceritanya. Novel ini turut menggunakan beberapa istilah medik berkaitan masalah penyakit mental yang sedikit sebanyak dapat memberikan maklumat dan ilmu baru untuk pembaca tentang penyakit ini Terdapat elemen fantasi dalam novel yang lebih meniru adegan-adegan yang

terdapat dalam filem filem fiksyen Hollywood iaitu bila Dr Rozlina telah mencipta alat merentas masa untuk kembali ke masa lampau untuk mengetahui siapa manusia di sebalik topeng mahluk bernama Zonan yang dikenali sebagai roh tidak berjasad. Mukanya tidak berwajah yang hanya Noorhafizah Izura yang berjaya mengenalinya sebelum mati dibunuh oleh Zonan apabila topeng yang menutupi wajahnya tersingkap.

Antara isi yang paling tragik dan unik dalam novel ini bagi pengulas adalah berkaitan dengan kisah antara Farid Ja'ah dan Dina Din yang begitu susah untuk diramalkan dengan memenuhi hampir separuh penceritaan novel ini. Harus diakui penulis berjaya menggambarkan dengan sempurna kupasan setiap plot yang akhirnya membawa satu dimensi selesa yang mana didapati bahawa Dina Din itu tidak wujud melainkan halusinasi imaginasi Farid sahaja kerana bebanan perasaan bersalah setelah membunuh sahabat dan juga kekasihnya itu sebelum dia dimasukan ke Hospital Permai dahulu. Pertukaran karektor Farid menjadi Dina Din cuba diselesaikan dengan cantuman beberapa plot penceritaan sampingan.

Novel ini terdapat dua plot klimaks dalam penceritaannya .Pertama tentang misteri Farid Ja'ah yang merupakan pembunuhan ketiga yang dicari dengan beberapa rentetan aktiviti jenayah yang dilakukan. Manakala yang kedua pembongkaran watak di sebalik Zonan, roh tidak berjasad yang sangat dicari-cari bagi menyelesaikan kes yang menghantui selama 20 tahun.


Pengulas dapat menyimpulkan kebijakan penulisnya serta kekaguman dengan elemen misteri dan debaran dari mula hingga ke pengakhiran novel yang sangat menyesakkan jiwa .Padanlah penulis novel ini digelar Novelis *Thriller* no 1 Malaysia kerana hasil tulisan yang berkualiti dan sangat sesuai dibaca bagi mereka yang mempunyai jiwa yang kental dan sukaan cabaran

Pengulas:

**Suraya Binti Sulaiman @ Abd Kari**  
Penolong Pustakawan  
Penyelia PD C02 Pahang

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



ZULHAFEEZ AHMAD ZAHIDI  
**Suami Sehebat Rasulullah Isteri Setanding Khadijah**  
Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn Bhd,  
2016.  
ISBN: 9789760716008

## ULASAN

Islam adalah agama yang syumul dan mencakupi pelbagai bidang ilmu kehidupan. Rasulullah SAW dan isteri Siti Khadijah adalah contoh yang tepat untuk diikuti dan dijadikan panduan dalam melayari alam rumah tangga. Rumah tangga menjadi asas bagi mencetak dan membentuk kualiti keteguhan dalam mendidik keperibadian anak-anak dalam mencorakkan kehidupan mereka. Kerukunan yang diterapkan oleh Rasulullah SAW dan isteri mengikut fahaman Islam adalah mudah untuk dihayati oleh umat Islam seluruh dunia.

Buku berjudul Suami Sehebat Rasulullah Isteri Setanding Khadijah hasil karangan Zulhafeez Ahmad Zahidi ini sangat bertepatan dengan judul yang diberikan. Buku ini menjelaskan setiap amalan dan panduan Rasulullah dalam melayari kehidupan rumah tangga. Pembinaan sesebuah keluarga memerlukan persediaan yang melibatkan aspek mental dan fizikal. Persediaan yang utama adalah mempelajari dan mendalami ilmu munakahat serta segala yang berkaitan. Malah perlu mempunyai perancangan hidup merangkumi kewangan dan

kehidupan serta bersedia menerima segala kelebihan mahu pun kekurangan pasangan. Ikatan perkahwinan membuatkan pasangan menerima ahli keluarga tanpa sebarang keraguan. Pemantapan rohani adalah benteng untuk melatih diri dan jiwa supaya lebih tabah dan kental dalam melayari bahtera rumah tangga.

Penulis menyampaikan hasil tulisan dalam bentuk ilmiah yang ringkas tetapi padat. Bahasa yang digunakan juga mudah difahami dan jelas maksudnya. Setiap perkara yang dihuraikan diselang-seli dengan Firman Allah SWT dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Pembaca boleh menghayati dan menjadikan buku ini sebagai rujukan dan garis panduan dalam alam rumah tangga. Buku ini terbahagi kepada 14 bab utama yang merangkumi panduan dan amalan berumah tangga.

Tanggungjawab suami sebagai ketua keluarga adalah sangat besar dan berat. Nafkah yang diberikan oleh seorang suami bukan kerana terpaksa tetapi untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai suami. Suami perlu memastikan tanggungjawab ini dilaksanakan dengan baik kerana ia adalah amanah yang perlu dipikul. Bab "Memelihara Keharmonian Rumah Tangga Bersama" merupakan bab yang paling penting dalam melayari rumah tangga mengikut amalan Rasulullah SAW dan isteri Baginda. Komunikasi yang baik dan berkesan dapat mengelakkan berlakunya salah faham. Bimbingan yang berlandaskan agama yang kukuh menjamin kebahagiaan yang damai. Penulis menegaskan bahawa perkahwinan bukan sahaja menyatukan dua insan malahan melibatkan kedua-dua belah pihak. Sikap yang positif dan peka pada keadaan dan komunikasi yang berterusan mengambarkan suasana yang harmoni.

Penulis menghuraikan akhlak dan keperibadian Rasulullah SAW adalah ikon insan terbilang. Amalan yang utama adalah bertaqwa kepada Allah SWT dan zikrul maut serta sentiasa membaca Al-Quran, solat dan doa yang menjadi tiang kerohanian dalam keluarga Walaupun Baginda adalah insan yang disegani, Baginda tidak membelakangkan keluarga dan tidak menggunakan kuasa sebagai suami untuk menetapkan sesuatu perkara, sebaliknya mendengar pandangan melalui musyawarah. Segala teguran dan pendapat isteri diterima dengan baik.

Namun di sebalik ketegasan suami, sifat penyayang Rasulullah SAW dapat mencambahkan lagi nilai kasih sayang. Kepercayaan dan keyakinan dalam menghadapi cabaran rumah tangga dapat ditangani dengan sebaik mungkin.

Seterusnya, penulis menekankan bahawa rahsia menjadi isteri idaman perlu mempunyai peribadi terpuji seperti Sayidatina Khadijah. Antara rahsianya ialah jujur dan taat setia kepada suami dan peka memahami situasi keadaan suami. Kelembutan dan kesopanan akan dapat melembutkan hati suami. Bersederhana dan restu suami dalam memupuk kepercayaan suami adalah jambatan untuk mengukuhkan kepercayaan bersama. Isteri idaman suami perlu menjaga imej dan penampilan di hadapan suami seperti berpakaian dan kelihatan cantik di hadapan suami. Allah SWT memberi ganjaran pahala berganda kepada isteri yang menjaga suami dengan baik dan tidak mengaibkan dan menceritakan keburukan suami kepada masyarakat luar.


Kesimpulannya pengulas mengesyorkan buku ini dibaca kerana ia mampu memberi impak yang besar dalam titik permulaan pasangan baru berumahtangga serta pasangan yang ingin menyemarakkan lagi kerukunan rumahtangga. Membina kebahagiaan memerlukan kesabaran dan kesefahaman dalam menjadikan perkahwinan yang indah dan dirahmati Allah SWT.

Pengulas:

**Zaiintan Muhaiza Binti Zainuddin**  
Penolong Pustakawan  
Perpustakaan Desa Kg New Zealand  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



FENDI  
**Aku Barber**  
Petaling Jaya, Selangor: Buku Pojok PLT,  
2016.  
ISBN: 9789672018001

## ULASAN

Fendi Barbershop & The Gang adalah sebuah jenama sebuah kedai gunting rambut yang terletak di Setia Indah dan Larkin Perdana. Pengasasnya adalah Ahmad Effendy Bin Ahmad Rozi yang mempunyai pengalaman selama 23 tahun di dalam bidang ini. Kisahnya bermula apabila beliau mula belajar gunting rambut seorang sahabatnya yang bernama Mahadi semasa tamat sijil PMR sehingga penghijrahan beliau ke negara Singapura dan juga negara Ireland untuk mendalami pelbagai ilmu gaya rambut. Lumrah kehidupan tanpa ujian adalah tidak lengkap. Pelbagai rintangan dan halangan yang dihadapi oleh penulis diceritakan sehingga berjaya bergelar usahawan “Barber” yang dikenali di Malaysia.

Buku berjudul *Aku Barber* karangan Fendi ini benar-benar bertepatan dengan judul yang diberikan. Buku ini tidak berkisar tentang Fendi Babershop semata-

mata, tetapi ingin memperkenalkan kedai berkonsepkan *Hipster* dengan tema “cut, music and fashion. Idea menyediakan pisang *cheese* dan *latte* di dalam kedai gunting rambut adalah satu tarikan untuk pelanggan kerana tidak banyak kedai gunting lain yang mampu melaksanakan idea sebegini.

Penulis menyampaikan kisah ini dalam bentuk sebuah buku catatan. Oleh sebab itu, pembaca dapat lebih memahami dan mudah membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Bahasa yang digunakan tidak mengikuti bahasa dan tatabahasa yang betul dan ringkas kerana melibatkan elemen penceritaan dan perbualan harian. Walaupun berbentuk buku catatan, penulis turut menyokong setiap peristiwa dengan fakta-fakta yang terperinci.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah pengalaman beliau semasa bermula sebagai tukang sapu sampah di satu kedai gunting Abang Mus dan diberi peluang untuk belajar menggunting rambut. Setelah 17 tahun berada di Singapura, beliau diberi peluang untuk berkhidmat pula di negara Ireland dengan pelbagai pengalaman baru. Keterujaan beliau mempelajari pelbagai potongan rambut membantu menjadikan beliau seorang yang professional. “Barber All Star” adalah perjumpaan di antara pemilik kedai gunting rambut seluruh Malaysia dan pada peringkat dunia pula dikenali sebagai “Barber Connect Community” yang akan memaparkan hasil-hasil karya tukang gunting yang hebat-hebat dari seluruh dunia.

Bagi pembaca yang meminati kisah perniagaan, buku ini juga berkongsi selok-belok memilih rakan niaga yang amanah .Walaupun buku ini menceritakan tentang dunia kehidupan seorang “Barber”, ia tetap mengaitkan kesemua cabaran kisah suka duka yang berlaku. Bermula sebagai “salesman” hingga menjual goreng pisang sebelum memiliki sebuah kedai gunting rambut sendiri. Selain kisah “barber”, buku ini juga mempromosikan barangan cenderahati keluaran kedai beliau seperti topi, baju T-shirt, “Button badge” dan “Blanket Pomade”. Akademi “School of Barber” juga dibuka bagi membantu pelapis baru mewarisi kemahiran-kemahiran selok-belok sebagai tukang gunting rambut yang hebat.

Penulis menggambarkan kerjaya sebagai “barber” ini perlu dinilai dari segi seni tanpa diukur dengan nilai wang ringgit. Seni memerlukan kesabaran, ketekunan dan berdedikasi untuk menghasilkan karya terbaik. Mereka perlu melayani pelanggan dengan penuh kesenian dan sabar menerima keranah pelanggan yang pelbagai ragam. Peka dengan fesyen terkini merupakan satu cabaran bagi tukang gunting rambut untuk terus kekal bertahan. Kepuasan pelanggan adalah keutamaan penulis.

Pada pendapat pengulas, bab kedai Hipster adalah kisah yang membanggakan. Penulis berusaha merialisasikan impian beliau dengan merangka pelbagai strategi bagi meningkatkan perkhidmatan ke tahap yang lebih baik. Alunan muzik, konsep hipster, pisang *cheese*, *latte*, pakaian kanak-kanak adalah antara perkhidmatan yang disediakan di kedai gunting rambut milik beliau. Kepelbagaiannya tersebut telah membantu mengingkatkan produktiviti perniagaan beliau.

Menerima tetamu istimewa seperti beberapa pemain JDT, Along Charm dan Wak Doyok merupakan satu peluang keemasan yang mempopularkan lagi kedai beliau.

Beliau juga merupakan juara “Barber Competition” tiga bulan berturut-turut dalam “Speed Category” semasa di Ireland dan dianugerahkan sebagai “Best Barber Fade & Styling” sempena acara All Star Barber Connection Event pada tahun 2014. Sehingga ke bab terakhir penulis menjelaskan jenis-jenis potongan rambut dengan pelbagai nama panggil seperti “Flat Top”, “Crew Cut”, “Pompadour”, “High Side Pomp”, “Bald Fade”, “Razor Bald Fade”, “Side High Fade”, “Psycho Quiff”, “Leberty Spikes”, “Mohawk”, “Tatoo”, “NN20”, dan “Dreadlocks”.


Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati bidang ini agar membaca kisah beliau. Buku ini juga tidak berbentuk fiksyen semata-mata kerana penulis menulis mengenai kisah hidup beliau bagi menguatkan cerita dalam buku ini. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja dan diceritakan menggunakan kaedah novel.

Pengulas:

**Noor Hasmayani Binti Ali**  
Penolong Pustakawan  
Perpustakaan Desa Zon B03, Selangor  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



USTAZ KU MUHAMAD ASMADI

**The Power of Sedekah**

Batu Caves, Selangor: Pustaka Al-Ehsan, 2016

ISBN: 9789670482798

## ULASAN

Sedekah menurut pengertian bahasa ialah kata benda yang dipakai untuk suatu hal yang disedekahkan. Kata tersebut diambil dari huruf sad, dal dan qaf. Sedekah juga berasal daripada kata as-sidq (benar atau jujur), kerana ia menunjukkan kebenaran penghambaan seseorang kepada Allah SWT. Sedekah pada dasarnya disyariatkan untuk satu hal yang disunnahkan manakala zakat adalah untuk hal yang diwajibkan.

Buku *The Power Of Sedekah* merupakan sebuah karangan yang mengajar dan mengingatkan kita tentang manfaat dan ganjaran yang akan diterima dengan amalan bersedekah. Bagi meyakinkan hati pembaca, penulis melengkapkan buku ini dengan dalil-dalil al-Quran dan juga hadis sahih berkaitan kemuliaan bersedekah. Pelbagai rujukan yang digunakan antaranya surah al-Baqarah ayat 261-262 dan juga hadis dari riwayat Bukhari, Muslim dan Ibnu Majah. Bersedekah tidak semestinya melalui harta sahaja. Tetapi, dapat juga dilakukan dengan sikap dan budi pekerti yang menyenangkan. Salah satu caranya adalah dengan

menyayangi anak-anak yatim dan mereka yang memerlukan kasih sayang. Pahala dan keampunan bagi orang yang gemar bersedekah adalah merupakan janji Allah SWT kepada hambanya. Allah SWT menjanjikan kepada manusia, bahawa Dia akan melipatgandakan apa-apa yang kita sedekahkan di jalanNya. Dia memberikan keampunanNya dengan menghapus dosa-dosa kita kerana sedekah. Dia juga menutup aib-aib kita serta mengangkat kita pada peringkat kemuliaan.

Penulis juga menekankan supaya sentiasa berbuat baik dan peduli terhadap sesama insan lain kerana sikap itu akan memberikan impak yang luar biasa kepada peribadi dan kehidupan kita. Selain itu, sikap tersebut juga sangat penting dalam kehidupan bersosial. Sifat peduli dan ingin sentiasa berbuat baik kepada orang lain terutamanya kepada orang-orang lemah yang seharusnya wajib ditolong iaitu yatim piatu yang miskin, orang-orang fakir, orang-orang miskin serta orang yang teraniaya tidak saja membuka pintu rezeki, bahkan akan beroleh pahala.

Bagi pembaca yang masih lagi tertanya-tanya dan tidak yakin akan manfaat sedekah, buku ini membuktikan terdapat banyak pahala dan manfaat yang diperolehi melalui sedekah. Antaranya adalah membersihkah diri daripada dosa-dosa dan kebakilan jiwa kerana sedekah merupakan pembersih, penyuci, penghapus kesalahan dan pengangkat darjah. Sedekah merupakan bentuk ketundukan kepada perintah Allah SWT dan Rasul. Orang mukmin yang suka bersedekah juga akan berada dalam naungan sedekahnya pada hari kiamat. Sedekah menghindarkan musibah dan menjauhkan kematian yang buruk. Sedekah merupakan tanda dan bukti nyata keimanan yang benar. Sedekah merupakan penebus bagi seorang muslim daripada belenggu yang mengikatnya. Pahala sedekah tidak akan terputus meskipun setelah pemberi sedekah meninggal dunia.

Selain itu, sedekah juga adalah bukti kejujuran dalam iman. Jika kita beriman, kita harus yakin bahawa di sebalik sedekah itu tersimpan misteri keajaiban. Ini dapat dibuktikan dan dirasakan bagi orang-orang yang bersedekah dengan ikhlas

kerana Allah SWT. Salah satu akidah yang utama bagi seorang muslim ialah melakukan usaha dan mengiringinya dengan tawakal yang benar serta berbaik sangka kepada Allah SWT. Allah SWT tidaklah menciptakan suatu penyakit melainkan juga menurunkan ubatnya. Oleh itu, salah satu sebab kesembuhan yang jarang diperhatikan oleh kebanyakan orang ialah berubat dengan sedekah. Padahal, sedekah memiliki rahsia yang menakjubkan dalam memberi kesembuhan dengan izin Allah SWT.

Belajar beristiqamah dalam bersedekah juga dapat melatih jiwa agar tidak rakus dan bakhil. Orang yang memiliki sifat bakhil tidak akan selamat di dunia dan juga akhirat. Penyakit bakhil dianggap ringan oleh manusia, namun sebenarnya sukar disembuhkan kecuali dengan niat yang kuat. Melalui bersedekah, kita akan menemui hakikat kebahagiaan jiwa yang tidak boleh diperolehi dengan apa cara sekali pun. Kita akan mendapat rezeki yang melimpah ruah, berkat dan terus bertambah.

Pengulas tertarik dengan keterangan penulis yang menyatakan hiduplah bersama sedekah walaupun dalam keadaan sempit atau dalam keadaan lapang, sedekah dan prihatin perlu seiring. Kita perlu yakin bahawa apa yang kita infaqkan kepada orang lain yang memerlukan jauh lebih bermanfaat. Bermanfaat kepada mereka dan tentu sekali bermanfaat kepada diri kita sendiri. Kita tidak perlu risau akan harta yang kita sedekahkan atau kita manfaatkan terhadap sesuatu yang baik akan berkurang kerana harta tersebut tidak berkurang, melainkan terus bertambah.


Pengulas mencadangkan supaya buku ini dibaca oleh semua kerana buku ini merangkumi pelbagai aspek kebaikan, manfaat dan keajaiban bersedekah. Sedekah juga merupakan terapi penyakit fizikal dan penyakit jiwa seperti penyakit riak dan sompong. Penerangan dan huraiyan tentang manfaat sedekah dapat menyedarkan pembaca akan kepentingan dan kebesaran ganjaran bersedekah. Buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja dan penerangan yang senang difahami. Selain itu, terdapat juga kisah-kisah keajaiban sedekah yang boleh dijadikan sebagai iktibar.

Pengulas:

**Faniza Akmal Binti Muhaiyiddin**  
Penolong Pustakawan  
Perpustakaan Desa Kampung Bukit Kerayong

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



DR. NURUL KHAIRIYAH  
**Hamil Bila Naik 2 Line**  
Semenyih, Selangor: Kasi Terbit, 2018.  
ISBN: 9789671387795

## ULASAN

*Hamil Bila Naik 2 Line* adalah sebuah buku yang perlu dimiliki oleh seseorang yang bakal bergelar sebagai ibu. Hal ini kerana ia merupakan sebuah naskah yang sangat berilmu untuk bakal ibu membuat persediaan dan pencegahan awal untuk keselamatan bayi dalam kandungan. Naskah ini dikarang oleh seorang doktor pakar Obstetrik & Ginekologi atau dikenali sebagai doktor Sakit Puan dan Bersalin dan digarapkan dalam 33 bahagian yang merangkumi pengumpulan isu sepanjang tempoh kehamilan dari peringkat awal hingga komplisi selepas bersalin.

Penyampaian cerita menggunakan kaedah santai dan bahasa yang mudah difahami oleh orang biasa yang tidak mahir dalam bidang perubatan walaupun diselitkan sedikit perkataan-perkataan saintifik. Perkongsian ilmu dan pengalaman yang dihadapi oleh pengarang berjaya menyampaikan mesej mengenai kes-kes yang bakal dihadapi oleh seorang ibu mengandung dan cara untuk mengatasi masalah-masalah dengan bijak.

Penulis memulakan perbincangan dengan detik terindah seorang bakal ibu yang akan membawa kandungan selama 40 minggu. Bahagian pertama ini menerangkan perkembangan setiap tiga (3) trimester yang bakal dihadapi oleh ibu mengandung dari segi simptom seperti loya, muntah, mengidam dan perubahan pertumbuhan bayi. Selepas itu, bakal ibu juga akan menghadapi tiga (3) peringkat proses kehamilan mengikut tempoh waktu maksimum dan kesan yang bakal berlaku kepada bayi.

Melalui buku ini juga dihuraikan punca-punca fenomena mual, muntah dan loya atau lebih dikenali sebagai *Morning Sickness* dan istilah perubatannya adalah *Hyperemesis Gravidarum* antaranya berpunca daripada perubahan hormon akibat kehamilan, jangkitan kuman pada salur kencing, keracunan makanan dan gastrik. Jika keadaan fenomena tersebut menjadi teruk, ia akan mengakibatkan ibu mengandung kekurangan zat dan nutrisi terutamanya Vitamin B1. Penulis juga memberi nasihat untuk elakkan makanan bersusu atau berlemak sehingga keadaan semakin pulih daripada fenomena tersebut.

Perkara seterusnya yang dibincangkan tentang permasalahan ketika mengandung yang sering kita dengar atau yang pernah dialami sendiri. Penulis lebih cenderung untuk berkongsi tentang penjagaan kesihatan kandungan dan mendapatkan nasihat doktor pakar jika berlaku sebarang kesulitan tentang kandungan. Bahagian-bahagian yang seterusnya juga mengandungi nasihat dan amalan yang dititipkan oleh penulis bagi menghadapi setiap permasalahan kandungan yang berlaku serta kekuatan dan semangat yang perlu ada pada setiap ibu agar tidak putus asa dan terlalu depresi ketika kehilangan wildan (anak-anak yang meninggal atau keguguran sebelum mencapai usia baligh).

Buku ini sesuai untuk dijadikan bahan rujukan oleh ibu-ibu atau wanita yang sedang mengandung, pelajar perubatan dan pegawai kesihatan. Oleh itu, persediaan ilmu tentang keselamatan serta pencegahan awal permasalahan kandungan adalah sangat penting demi kesihatan waris kita.

Pengulas:

**Siti Nor Fairuz Binti Rosaidee**  
Pelajar Pelatih  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



CHE AMRAN 'RAIHAN'  
**Mudahnya Ajar Anak solat**  
Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd  
2014.  
ISBN 9789830974729

## ULASAN

Mudahnya Ajar Anak Solat merupakan sebuah buku yang ditulis berdasarkan pengalaman penulis sebagai ibu bapa sepanjang menjalani kehidupan berumah tangga dan mempunyai 8 orang anak. Setiap kaedah yang disarankan juga diamalkan sendiri oleh penulis bersama anak-anaknya.

Anak-anak perlu diajar bersolat dengan cara yang bijaksana dan kreatif mengikut peringkat umur mereka. Perkara yang paling utama adalah ibu bapa terlebih dahulu perlu memahami tentang kepentingan solat. Kemudian barulah berusaha menerangkan kepentingan solat dengan bahasa yang lebih mudah seperti dialog, contoh dan sebagainya kepada anak-anak.

Anak-anak yang telah mumayyiz, sekitar umur 5 tahun boleh dibawa berjemaah di masjid dan diajar cara berwudhuk serta bacaan yang wajib di dalam solat.

Apabila umur anak-anak mencapai 10 tahun, ibu bapa perlu ketatkan disiplin dan boleh dirotan jika mereka enggan bersolat.

Bagi ibu bapa yang mempunyai anak yang meningkat remaja pula, para ibu bapa boleh menggunakan kaedah memujuk dan sebutkan perkara yang berkaitan dengan solat secara berterusan. Di samping itu juga, perlu dipraktik oleh ibu bapa supaya anak-anak dapat melihat dan mencontohi perbuatan ibu bapa. Kajian menunjukkan remaja tidak suka jika sering disuruh, tetapi mereka lebih suka sekiranya diajak sebagai seorang kawan. Apabila hati anak-anak remaja sudah dapat dieratkan dengan kasih sayang ibu bapa, maka akan mudahlah ibu bapa mengingatkan tentang kepentingan menunaikan kewajipan solat.

Buku ini juga turut disertakan bersama doa-doa untuk diamalkan antaranya doa untuk memohon kebaikan di dunia dan akhirat, doa memohon keampunan daripada Allah SWT dan doa agar sentiasa mengerjakan solat. Penulis juga banyak memberikan contoh-contoh yang dapat memberi semangat dan inspirasi kepada ibu bapa antaranya kisah ibu Sultan Muhammad Al Fateh yang mendidik anaknya dengan ilmu agama sejak kecil lagi sehingga anaknya telah menguasai pelbagai bidang ilmu Islam pada usia remajanya. Selain daripada itu, penulis juga membawa kisah bagaimana pendidikan solat melalui contoh dan teladan iaitu bagaimana Rasulullah SAW tidak memarahi cucunya, malah terus memanjangkan sujud ketika Hussin yang memanjam belakang Rasulullah SAW.

Penulis juga banyak menyelitkan contoh-contoh dialog, kata-kata nasihat dan juga cerita yang beliau selalu gunakan kepada anak-anaknya. Ini menjadikan pembaca akan rasa lebih santai, jelas dan mudah faham tentang tips-tips mengajar anak solat yang cuba disampaikan oleh penulis. Apabila anak-anak sering mendengar cerita dan kata-kata nasihat yang baik, sedikit sebanyak ianya akan menyedarkan mereka tentang kepentingan solat. Walaupun mereka hanya mendengar pada masa itu, sebenarnya fikiran mereka telah ditanam dengan kisah-kisah yang membawa kepada pengajaran.

Pada pendapat pengulas, antara topik yang menarik adalah apabila penulis turut menekankan tentang betapa pentingnya ibu bapa terlebih dahulu memahami tentang kepentingan solat dan perlu ada persefahaman sesama ibu bapa. Sekiranya pendekatan mendidik adalah sekata, maka anak-anak akan mengikut arahan sama ada daripada bapa ataupun ibu mereka. Ibu bapa perlu memupuk rasa bergantung kepada Allah. Misalnya apabila anak-anak mendapat sesuatu kejayaan maka kaitkan kejayaan itu puncanya solat dan jika mereka menerima sesuatu yang tidak baik jadikan solat sebagai cara meluahkan perasaan di samping memikirkan bahawa mungkin mereka cuai dalam solat.

Secara keseluruhannya penulis menekankan pendidikan merupakan suatu kaedah yang sangat penting dalam membentuk kehidupan manusia lebih-lebih lagi dalam kalangan kanak-kanak. Semua golongan haruslah sedar bahawa anak merupakan kurniaan daripada Allah SWT dan mereka haruslah diasuh dan dididik dengan baik supaya tidak timbulnya permasalahan kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat kelak.

Pengulas:

**Noor Sinasuriatie Binti Muhamad Alwi**  
Penolong Pustakawan/Penyelia  
Perpustakaan Desa Zon A9, Perak  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



AZEANNIRA ABDUL AZEH  
**Andai Ku Tahu Bagaimana Untuk Mencintai  
Mu**  
Puchong, Selangor: Jitu Jaya Resources, 2017.  
ISBN: 9789671477809

## ULASAN

Sebuah perkongsian berdasarkan kisah penyembuhan emosi yang dilalui sendiri oleh penulis yang menjadi asas penceritaan bagaimana beliau melalui saat susah senang dan jatuh bangun dalam hidup. Buku berjudul *Andai Ku Tahu Bagaimana Untuk Mencintaimu* ini memberikan sudut perspektif yang berbeza dalam menilai setiap sudut pandang bagi memberikan keseimbangan dalam penyembuhan rohani berlaraskan ilmu psikologi yang digabung dengan ilmu keTauhidan untuk berdamai dengan masa lalu yang menyakitkan serta untuk menerima, memaafkan mereka yang melukakan diri kita dan berhenti menzalimi diri sendiri. Seterusnya melihat segala ketidaksempurnaan dengan pandangan mata hati dan menerima dengan lapang dada dan hati yang terbuka.

Penulis menyampaikan kisah ini dalam bentuk jurnal kehidupan dan penceritaan di dalam penceritaan sebagai contoh agar pembaca dapat memahami serta membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis dengan mudah. Bahasa yang digunakan juga santai, mudah dan ringkas tanpa menggunakan ayat kiasan. Walaupun berbentuk jurnal kehidupan, penulis mampu merubah jiwa mereka yang benar-benar ingin mencari cinta sejati dan membuka mata yang selama ini diberikan sudut pandang yang negatif oleh cerminan dunia yang penuh dengan kepalsuan.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah rentetan dari satu perjalanan kehidupan yang mana ianya merupakan satu penyaksian yang menyelusuri pelbagai cabaran dan sisi hitam kehidupan. Setiap helaian buku ini adalah tentang bagaimana memandang, merasai dan melalui serta menukar perasaan negatif kepada aura yang lebih positif dengan mengaplikasikannya dalam seluruh inci kehidupan dengan bernafas berlandaskan cintanya pada yang satu.

Bagi pembaca yang ingin penyembuhan rohani, buku ini boleh membantu kerana menggunakan cara yang lebih santai dalam penyembuhan rohani namun impaknya yang sangat hebat kepada pembaca. Lantas memberikan sesuatu yang tidak pernah terfikir oleh pembaca dan mampu mengubah persepsi hidup serta merupakan hakikat insan yang mendidik diri dengan lebih baik dan teratur

Buku ini merupakan buku jurnal perjalanan kehidupan penulis yang mana bukan perjalanan kehidupan yang biasa. Meliputi kehidupan yang penuh sarat dengan bebanan tekanan dan kemurungan akibat daripada pelbagai aspek tekanan dalam melalui kehidupan seharian yang ditukar kepada sebuah inspirasi kisah perjalanan cinta manusia bagi mengenali cinta Agung, cinta Allah Rabbul Jallil, cinta yang tiada bersyarat,cinta yang tiada berpenghujung, cinta yang sentiasa hidup yang tidak akan mengecewakan hambanya.

Penulis menggambarkan bahawa guru yang sebenarnya adalah sebuah kehidupan di mana setiap seseorang yang kita kenali dan yang mendekati kita samada akan memberikan kita kekecewaan mahupun bahagia dalam kehidupan kita ianya adalah hantaran yang dihantar oleh Rabb yang satu bagi menguji ketaqwaan kita dalam menguruskan ego kita dalam kehidupan.Tiada yang dipertemukan oleh Allah SWT buat kita untuk saja-saja malah ianya adalah ujian dan cabaran untuk kita tempuh dalam pandangan taqwa padanya yang satu dalam menerima segala ketentuan dengan redha.

Pada pendapat pengulas, buku ini sangat bagus untuk dibaca,difahami, diselami dan dimengertikan kerana ianya sangat berkesan untuk merawat rohani berdasarkan kepada keseimbangan bahasa psikologi dan ilmu tauhid yang diberikan garapan untuk memberikan sudut pandang yang berbeza akan kehadiran insan lain dalam kehidupan kita. Ini kerana mereka semua sedang membawa pesanan dari tuhan buat kita. Di samping menerima sisi hitam kegagalan dalam kehidupan dan dengan perlahan-lahan meneruskan kehidupan, belajar menerima susuatu yang negatif kepada positif, belajar memaafkan dan melepaskan segala rasa kesakitan di jiwa. Saat ketika kita berserah sepenuhnya pada Allah kita akan menyedari bahawa segala kesakitan ini bukanlah sebuah pengakhiran bahkan ianya adalah sebuah kelahiran dan permulaan kehidupan yang baru.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang berada dalam situasi seperti ini supaya membaca buku ini untuk bersama-sama menyembuhkan rohani, diberikan kefahaman yang lebih jelas tentang kehidupan yang bahagia dan tenang dan dicelikkan mata hati dan dapat menerima segala takdir dan ketentuan dari Allah serta


dapat memandang Allah SWT pada tempat yang sepatutnya. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang sangat santai, bersahaja dan penuh dengan kata-kata semangat dan motivasi kehidupan.

Pengulas:

**Nurul Asmaq Binti Junit**  
Penolong Pustakawan  
(Penyelia Zon D6)  
Perpustakaan Desa Kg Permatang  
Piah

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




SHAMSUL BAHRI ABD RAZAK,  
NOOR AZNIDA ALIAS &  
MOKHTAR ISHAK  
**LEGASI LEBAH DAN KELULUT**  
**DALAM MASYARAKAT**  
**TRADISIONAL**  
Kuala Nerus, Terengganu:  
Penerbit UMT, 2019.  
ISBN 9789672238966

Buku ini memaparkan himpunan penceritaan pengalaman dan pengetahuan masyarakat tempatan terhadap amalan-amalan tradisional merangkumi kepercayaan serta anggapan mereka terhadap lebah, kelulut dan madu. Penulis telah bertemu sendiri bersama masyarakat setempat dan menemu bual mereka bagi mendapatkan maklumat secara terus dan sahih. Buku ini turut mengupas secara mendalam mitos-mitos serta kepercayaan terhadap madu yang selama ini menjadi polemik dalam kalangan peminat madu tanah air. Kelulut sudah lama bersimilasi dalam kehidupan pelbagai masyarakat dan kaum di Malaysia. Namun begitu, penulis mendapati maklumat serta pengetahuan tentang peranan dan sumbangan kelulut ini terhadap masyarakat majmuk di Malaysia tidak banyak diketahui dan tidak didokumentasikan dalam bentuk penyelidikan maupun penulisan. Penerbitan buku ini diharap dapat menjadi penyambung kepada ilmu dan pengetahuan

**Sari  
Pustaka**

#### SINOPSIS BUKU




ROHANIAH NOOR  
**BACKPACK INDIA 4 IDIOTS**  
Semenyih, Selangor : Kasi Terbit,  
2019.  
ISBN 9789671593028

Sebuah buku travelog yang mengisahkan keterujaan empat (4) orang gadis untuk meneroka negara India. Ianya bermula apabila salah seorang daripada mereka menonton filem hindustan bertajuk 3 Idiots lakonan Amir Khan. Dalam masa 30 hari penulis berjaya meneroka Delhi, Agra, Srinagar, Leh, Jammu, Manali dan Amritsar. Penerbitan buku ini diharap dapat menjadi panduan kepada traveller yang ingin melancong ke India. Ramai yang telah melancong ke India secara backpack namun rujukan secara backpack ke India dalam bahasa Melayu masih kurang berbanding bahasa Inggeris. Penulis turut berkongsi bagaimana dengan berbekalkan duit poket sebanyak RM2,000.00 beliau dapat meneroka negara India. Penulis turut berkongsi apa yang perlu dibawa serta beberapa perkara yang perlu dielakkan semasa berkunjung ke beberapa daerah di India. Buku ini ditulis dengan garapan bahasa yang mudah difahami beserta dengan gambar berwarna yang cukup

**Sari  
Pustaka**

## SINOPSIS BUKU




**REDZUAN BAKAR**  
**KURANGKAN CUKAI**  
**SECARA SAH**  
Semenyih, Selangor : Kasi  
Terbit, 2018.  
ISBN 9789671593011

Penulis terpanggil untuk menulis buku mengenai cukai apabila menyedari ramai peniaga, terutamanya perniagaan *enterprise* tidak menghantar taksiran cukai. Ramai di antara mereka bukan ingin mengelak daripada membayar cukai tetapi tidak memahami bagaimana dan apa yang perlu dihantar. Selain itu, topik cukai itu sendiri agak berat dan sukar untuk difahami oleh peniaga. Kekurangan buku-buku dalam bahasa Melayu juga menyukarkan lagi peniaga untuk memahaminya. Penulis mencoretkan nota cukai dalam bahasa yang mudah dan santai. Penulis juga cuba mengelakkan penggunaan terma-terma cukai serta ayat-ayat dari akta percukaian itu sendiri. Ianya bukanlah buku cukai terlengkap, namun buku ini boleh menjadi buku cukai yang paling memberi kesan kepada peniagaan terutamanya peniaga kecil.

**Sari Pustaka**

## SINOPSIS BUKU




MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM  
BIN A.BADARUDDIN  
**BELANSUNGKAWA DATUK SERI  
ABU HASSAN DIN AL-  
HAFIZ:BERDAKWAH KE HAYAT**  
Bangi, Selangor : Casamas Resources  
Sdn Bhd, 2019.  
ISBN 9789830977898

Buku ini ditulis sempena pemergian pendakwah terkenal Malaysia Datuk Seri Hassan Din Al-Hafiz. Allahyarham kembali bertemu dengan Sang Pencipta pada pagi 1 Mei 2019. Sumbangan Allahyarham Datuk Seri Abu Hassan Din Al-Hafiz dalam pembangunan Islam di Malaysia tidak perlu dipertikai lagi, Allahyarham pernah berkhidmat sebagai penasihat agama kepada tujuh (7) Yang di-Pertuan Agong dan bersara pada tahun 2007. Penulis berkongsi kepentingan dakwah, mencintai ulama, peranan ulama dan sebagainya dalam buku ini. Buku ini perlu dimiliki oleh semua muslim yang cinta ulama, cinta rasul dan cinta akhirat agar dengan memahami hakikat ini maka asbab kecintaan dan penghayatan pada ulama serta ilmu mereka akan menjadi salah satu dari jalan untuk ke syurga.

**Sari  
Pustaka**

## SINOPSIS BUKU



FARAWAHIDA MOHD YUSOF,  
TAMAR JAYA NIZAR, ARIEFF  
SALLEH ROSMAN &  
SELAMAT HASHIM

**KEHEBATAN AL-FATIHAH :  
BUKTI KEMUKJIZATAN AL-  
QURAN**

Johor Bahru : Penerbit UTM,  
2019.


ISBN 9789835215902

Buku ini dihasilkan atas keinginan penulis untuk membantu pembaca memahami tafsiran surah Al-Fatihah. Huraian teks disampaikan secara sederhana dan melalui ilustrasi bergambar bagi setiap pentafsiran ayatnya. Pendekatan yang sedikit ilmiah juga menjadi ciri yang dipilih dalam mentafsirkan ayat. Buku ini juga ditulis bagi memupuk dan mendekatkan generasi Sains dan Teknologi Maklumat (IT) pada masa kini dengan apa yang terkandung dalam surah Al-Quran. Penulis tidak menyentuh mengenai semua bentuk perbezaan pendapat mazhab, baik dari segi amalan keagamaan atau teori agar mesej kandungan sebenar pentafsiran ayat dapat difahami dan dihayati terus ke dalam hati pembaca. Buku ini sesuai dibaca dan dimiliki oleh semua pembaca yang ingin mengetahui kehebatan tafsiran surah Al-Fatihah.

**Sari  
Pustaka**

# Sari Pustaka


## PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH



NOOR HABIBAH KADERAN  
**Pengurusan Kokurikulum di Sekolah**  
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2019  
ISBN: 9789674127992

Buku ini bertujuan untuk mengetengahkan maklumat berkaitan peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum sekolah di Malaysia. Amalan-amalan terbaik ini merupakan satu panduan yang sangat sistematik kepada para pengetua sebagai pentadbir kokurikulum di sekolah kerana ia memberikan panduan proses pengurusan kokurikulum yang sangat lengkap dan teratur merangkumi elemen merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Buku ini dapat memberikan paradigma baharu kepada guru-guru, murid, ibu bapa dan komuniti agar mempunyai perubahan sikap terhadap kepentingan kegiatan kokurikulum di sekolah dan berperanan dalam proses kemenjadian murid.

## SINOPSIS BUKU



NURASYRAF FAHMI AZAHARI  
**Ar-Rahnu dan Amalan di  
Malaysia**

Selangor: Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 2019  
ISBN: 9789674128555

Penulisan ini berkisar tentang sistem pajak gadai Islam yang diamalkan dalam negara kita khususnya di Agrobank dan isu-isu yang berkaitan. Ar-Rahnu merupakan sebuah institusi yang menyediakan perkhidmatan pinjaman secara pajakan emas atau barang kemas sebagai barang perjanjian. Secara asasnya, Ar-Rahnu dibuat untuk melindungi dan membantu masyarakat Islam daripada sistem pajak gadai kovensional yang berunsurkan riba. Namun terdapat beberapa permasalahan yang terpaksa dihadapi oleh pihak Ar-Rahnu termasuklah pentadbiran oleh undang-undang yang berbeza mengikut institusi Ar-Rahnu itu sendiri. Permasalahan ini membawa kepada wujudnya permasalahan yang lain seperti ketidakseragaman operasi Ar-Rahnu di setiap institusi Ar-Rahnu dan isu-isu tadbir urus yang membawa kepada pertikaian pengguna.

**Sari  
Pustaka**


## SINOPSIS BUKU



NUR AINA SYAFIQAH AZAWAWI  
ANISAH CHE NGAH  
**Penjagaan Pesakit Mental  
dalam Komuniti di Malaysia :**  
**Perspektif  
Sosioperundangan**  
Selangor: Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 2019  
ISBN: 9789674128906

Apakah wadah terbaik untuk memastikan kebajikan pesakit mental terjamin? Apakah undang-undang dan polisi negara sudah cukup mantap dalam memberi dan melindungi hak mereka? Buku ini memfokuskan kepada perbincangan berkaitan bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi oleh penjaga keluarga yang menjaga pesakit mental dalam komuniti. Ini kerana falsafah negara kini menjurus ke arah pemulihan pesakit mental menerusi pergaulan dalam komuniti dengan dijaga oleh ahli keluarga sendiri. Perubahan ini adalah selari dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan dasar kerajaan yang diterjemahkan menerusi Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615). Selain daripada menjawab persoalan mengenai apakah perundangan yang telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan pesakit mental serta penjaga keluarga di Malaysia, buku ini turut mengetengahkan isu sama ada Akta 6115 merupakan akta yang mantap untuk menangani cabaran yang dihadapi dalam tadbir urus penjagaan pesakit mental dalam komuniti sama ada daripada aspek undang-undang maupun sosial.

## SINOPSIS BUKU




AZIZI ALI  
**Rahsia Bitcoin**  
Selangor: TrueWealth Sdn Bhd,  
2018  
ISBN: 9789674160852

Anda mungkin pernah mendengar orang bercakap tentang bitcoin. Atau anda mungkin pernah membaca berita tentang bagaimana nilai *cryptocurrency* ini naik bagaikan roket! Berita itu memang betul kerana nilai bitcoin telah naik dari kosong pada tahun 2009 ke RM65,000+ pada tahun 2017! Sebenarnya, pulangan ini adalah pulangan infiniti sebab modal permulaannya adalah kosong. Malah, nilai bitcoin telah naik lebih **1,000%+ di tahun 2017** saja! Tidak ada produk atau pun instrumen kewangan lain yang memberikan pulangan yang begitu tinggi dalam sejarah dunia! Bitcoin kini menggoncangkan dunia, dan menjadi sebut-sebutan berjuta-juta manusia! Buku ini menerangkan konsep Bitcoin, sejarahnya, bagaimana ianya diterbitkan, mengapa ianya selamat, bagaimana untuk membeli dan menjual Bitcoin, dan sama pentingnya, amaran tentang kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan oleh pelabur.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




MOHD AFENDI HJ DAUD  
**70 Tahun Pembentukan  
Persekutuan Tanah Melayu :  
1948-2018**

Melaka: Penerbit Kolej Universiti Islam Melaka, 2019  
ISBN: 9789671725801

Buku 70 Tahun Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu ini dihasilkan bagi menyebarkan pengetahuan yang berguna kepada seluruh lapisan masyarakat dan juga diharap dapat memberi pencerahan kepada persoalan kewujudan Persekutuan Tanah Melayu serta menjadi rujukan generasi akan datang. Turut dipaparkan usaha pihak Inggeris dalam menubuhkan Malayan Union dan bagaimana pihak Inggeris berusaha bagi mendapatkan persetujuan daripada Raja-Raja Melayu untuk menubuhkan Malayan Union. Seterusnya membawa kepada penentangan orang Melayu yang akhirnya membawa kepada penubuhan United Malays National Organisation (UMNO). Buku ini dihasilkan daripada persidangan yang diadakan sempena 70 Tahun Pembentukan Tanah Melayu pada 27 Februari 2018 yang berlangsung di Kolej Universiti Islam Melaka.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



SYAHMAN ABU HASAN

**Buat Untung dengan Rumah Sewa  
: Pendedahan eksklusif usahawan  
sublet sepenuh masa**


Semenyih, Selangor : KASI TERBIT  
PLT, 2019.

ISBN: 9789671593066

Sublet atau bermaksud sewa atas sewa adalah salah satu cara untuk membuat keuntungan melalui rumah sewa. Penyampaian dalam bahasa yang mudah dan berfakta bagi memudahkan pembaca memahami isu yang dibincangkan. Buku ini dapat menjadi panduan bagi memulakan langkah melabur dalam rumah sewa. Ia juga dapat mengelakkan pelabur daripada melakukan kesilapan semasa membeli rumah sama ada untuk diduduki sendiri atau pun untuk disewakan. Seterusnya bagi memastikan pelabur dapat memaksimumkan keuntungan dengan usaha yang minimum. Semua ini berlaku apabila kita mengubah persepsi pada perkara yang kita tidak pernah terfikir selama ini. Jika hari ini kita adalah pekerja, tidak mustahil kita dapat menjadi majikan kepada pekerja lain pada hari esok dan seterusnya. Cuma, yang berbeza adalah anda dibayar gaji oleh majikan, tetapi kita tidak membayar gaji kepada pekerja kita sendiri.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




### Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan : **INDUSTRI AUTOMATIF**

Bangi : Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
2019.

ISBN: 9789674128517

Buku ini memperihalkan tentang aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam sektor automotif. Bidang automotif ini terdiri daripada aktiviti sektor pembuatan dan perkhidmatan seperti reka bentuk automotif, kejuruteraan, pembangunan industri dan operasi pemasangan komponen automotif. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerja dalam sektor automotif juga tidak terkecuali terdedah kepada bahaya yang boleh mengancam keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada bahan kimia, fizikal, ergonomik dan psikologi perindustrian. Kewujudan situasi berbahaya ini merupakan faktor utama yang boleh menyebabkan kemalangan dan persekitaran yang tidak sihat kepada pekerja. Buku ini turut membincangkan pendekatan keselamatan berdasarkan tingkah laku yang dapat mengatasi masalah tingkah laku yang tidak selamat di tempat kerja.

## SINOPSIS BUKU




### Penulisan Tesis : Kajian Kualitatif dan Kuantitatif

Bangi, Selangor : Penerbit UKM, 2019.

ISBN: 9789674129323

Penyelidikan melibatkan proses dan kaedah yang sistematis untuk memperoleh pengetahuan baru bagi membantu mencari jalan penyelesaian untuk menangani pemasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Buku ini sesuai digunakan oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan sains sosial. Kandungannya boleh dijadikan panduan penting dalam penyediaan laporan penyelidikan yang lengkap. Buku ini mengandungi enam (6) bab yang membincangkan tentang proses tersusun dalam menjalankan penyelidikan dan ditulis secara terperinci mengikut penyediaan laporan penyelidikan yang jelas dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami bagi membolehkan pembaca melaksanakan penyelidikan dengan teratur dan bersistematis.

## SINOPSIS BUKU



NORAINI ISMAIL, PAIZ HASSAN,  
AMIN CHE AHMAT, MUHAMMAD  
NASRI MD HUSSAIN, MOHD  
SOLLEHUDIN SHUIB

### ASAS PENGURUSAN HARTANAH ISLAM

Shah Alam, Selangor : Penerbit UiTM,  
2019.

ISBN: 9789673635658

Buku Asas Pengurusan Hartanah Islam ini mengetengahkan ilmu-ilmu asas dalam aspek pengurusan hartaanah Islam bermula daripada sejarah perkembangan pengurusan hartaanah Islam, pemilikan dan pelupusan tanah, akad dan kontrak urus niaga hartaanah sehingga kepada isu-isu kontemporari pengurusan hartaanah Islam. Perbahasannya yang ringkas dan padat sangat sesuai untuk dijadikan bahan rujukan dan bacaan oleh semua golongan masyarakat. Buku ini juga adalah hasil usaha dan gabungan idea daripada pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Perlis dan UiTM Perak serta pensyarah daripada Pusat Pengajian Perniagaan Islam, UUM.

## SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD RAHIM  
KAMALUDDIN, AZIANURA HANI  
SHAARI, SUZAILY WAHAB,  
VIKNESWARAN SABRAMANI

### BULI SIBER : Suatu Bencana Sosial


BANGI, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
2019.

ISBN: 9789674128616

Perkembangan dunia siber yang begitu pesat telah mengubah corak tingkah laku hubungan sosial dalam semua lapisan umur. Walaupun dunia siber memberi banyak manfaat kepada warganet, namun secara tidak langsung ianya turut mendatangkan keburukan. Pelaku dan mangsa dalam buli siber adalah bencana sosial yang kian merebak dalam kalangan pengguna internet dan media sosial yang merentasi pelbagai aspek demografi. Secara amnya, buli siber boleh diertikan sebagai tingkah laku agresif dan sengaja dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan individu dengan menggunakan medium elektronik secara berulangan terhadap mangsa yang tidak dapat mempertahankannya. Buku ini ditulis hasil usaha sama para penulis yang terdiri daripada pakar dalam beberapa bidang iaitu kriminologi, linguistik, psikiatri dan psikologi klinikal serta kesihatan masyarakat agar isu buli siber dapat dikupas dari pelbagai sudut.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



PAHROL MOHAMAD  
JUOI


**7 Langkah Baiki Diri**

Selangor: Fitrah Perkasa  
Sdn. Bhd., 2019.

ISBN: 9789830978345

Kita hidup bukan secara kebetulan tetapi mempunyai tujuan. Skrip kehidupan ini ada arah, tujuan, jalan, bekalan, halangan dan akhirannya. Dalam melaluinya satu persatu, tahap demi tahap, Insya-Allah hidup kita akan terpandu. Sekiranya ingin berjaya, kita mesti melalui hidup dengan merancang bukan hanya dengan kebetulan mengikut keadaan. Buku ini juga mengajak kita berhijrah dari zon selesa kepada zon mencabar yang penuh dengan dugaan untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Bersedialah menghadapi kata-kata nista serta cerca manusia kerana itulah lumrah kehidupan. Langkah perubahan diri ini bermula dari diri kita sendiri. Kita yang menentukan arah hidup dan hidayah. Selusurilah langkah-langkah seterusnya untuk memperbaiki diri, keluarga, masyarakat, negara bahkan dunia.

## SINOPSIS BUKU



SHAHRUL NAZMI  
SANNUSI


**Survival Penerbitan  
Akhbar dalam Era  
Konvergensi**

Bangi : Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
2019.

ISBN: 9789674128302

Di Malaysia, industri penerbitan akhbar mula menunjukkan jalan yang semakin berliku ekoran kemunculan saluran media digital yang bersifat lebih interaktif dan kompetitif. Keadaan ini sekaligus mengancam survival industri media negara secara menyeluruh. Akhbar yang popular di Malaysia terpaksa menempuh tahap sirkulasi yang semakin merosot selain kehilangan banyak pendapatan dari jualan ruangan iklan. Kemunculan pelbagai saluran media dalam talian yang menawarkan kandungan berita yang dipersembahkan dalam gaya bahasa yang lebih mudah berjaya menarik golongan pembaca yang setia kepada akhbar bercetak serta menarik minat majoriti golongan muda. Cabaran dalam menangani persaingan media baharu ini menyebabkan penerbit terpaksa berfikir model perniagaan yang mampu membantu mereka dalam meneruskan kelangsungan pasaran yang kompetitif. Buku ini turut memperkatakan prospek penerbitan dan majalah versi digital di samping persepsi pembaca terhadap fenomena ini.

## SINOPSIS BUKU



ANDIKA AB. WAHAB

**DALAL : Dan  
Penyeludupan  
Rohingya Ke Malaysia**


Bangi : Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
2019.

ISBN: 9789674128708

Malaysia merupakan antara negara utama di rantau Asia Tenggara yang memberi perlindungan sementara kepada pelarian Rohingya. Walaupun Malaysia bersifat terbuka tentang kehadiran mereka ke Malaysia, namun masih banyak yang belum diketahui tentang cerita di sebalik kemasukan pelarian Rohingya ini. Buku ini membincangkan tentang peranan ‘Dalal’ iaitu nama jolokan yang diberikan kepada mereka yang berperanan sebagai orang tengah, ejen atau tali barut yang terlibat dalam menyeludup pelarian Rohingya ke Malaysia. Antaranya kaedah pemerdayaan, penahanan dan pemenjaraan mangsa penyeludupan Rohingya dan eksploitasi terhadap wanita, gadis Rohingya serta kanak-kanak bagi tujuan buruh paksa. Buku ini juga mengetengahkan bahawa penyeludupan Rohingya ini merupakan satu jenayah. Walaupun tidak semua insiden penyeludupan Rohingya berakhir dengan pemerdagangan orang, namun kebanyakan mangsa penyeludupan Rohingya berdepan dengan pelbagai ancaman keselamatan dan pencabulan hak asasi manusia.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



IBRAHIM KOMOO

**MEMIMPIN  
KELESTARIAN :**  
**Menghargai Alam,  
Mensejahtera Manusia**


Bangi : Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
2019.

ISBN: 9789674128609

Dalam tempoh 10 tahun terakhir, pengarang membuat catatan mengenai pelbagai isu negara yang sering menghantui fikiran serta idea yang terkumpul dari pengembaraan beliau semasa di luar negara. Catatan ini telah diterbitkan dalam media massa arus perdana dan juga dalam blog peribadi beliau. Perasaan terpanggil untuk berkongsi ilmu dan pemikiran kepada masyarakat awam tercetus kerana iltizam ilmu bukan sekadar hanya dikongsi sesama rakan kesepakaran di menara gading sahaja. Namun masyarakat sentiasa dahagakan pandangan ketiga daripada ilmuwan apabila berhadapan dengan isu negara yang getis. Beliau juga mengumpul dan mengolah semula sebahagian dari catatan ini dan diterbitkan dalam sebuah buku. Olahan catatan meliputi persoalan semasa, hala tuju baharu, kupasan impak dan cadangan dasar serta pelaksanaan. Tamadun bangsa tidak mungkin berkembang jika pemimpin dan masyarakat tidak bersedia menyahut cabaran dan mengharungi perubahan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



IBRAHIM KOMOO, NORHAYATI AHMAD, CHE AZIZ ALI, EDY TONNIZAM MOHAMAD, MOHD FAUZI RAJIMIN, MOHD ZULHAFIZ SAID

### MERSING GEOPARK : Panduan Meneroka Geotapak

Kuala Lumpur: Fatimah Aini Mohd Ali, 2019.

ISBN: 9789671727409

Mersing geopark menjadi pusat letusan volkano sekitar 300 juta tahun lampau. Contohnya di Kepulauan Indonesia kini, letusan ganas volkano akan menghasilkan bom, debu dan lava seterusnya terbentuknya bumi Mersing yang indah ini. Daerah ini juga tempat terawal munculnya daratan, terangkat daripada lautan menjadi cebisan pertama pembentukan bumi Malaysia. Mersing Geopark adalah kawasan istimewa, tempat kepulauan yang mempamerkan keindahan landskapnya, kepelbagaiannya biologi marin dan daratan terserlah, keunikan budaya komuniti nelayan dan tradisi pribumi. Mersing Geopark merangkumi seluruh daerah Mersing meliputi kawasan daratan, kepulauan dan lautan seluas hampir 6,400 kilometer persegi. Buku ini memberikan pendedahan awal mengenai warisan terintegrasi yang menjadikan Mersing Geopark teristimewa di rantau ini.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



JM ROSMAWATI HAMZAH,  
JM NORHASIDAH ABD  
RAZAK, SN  
ROSNALIZAWATI HAMZAH,  
DR. NUR AKMAL ISMAIL,  
DR. AIMI RAHAYU, DR.  
AINUL ARINA & DR. FAHD  
RAZY

**Buku pink: cerita-cerita ibu  
mengandung**

Kuala Terengganu: Kata-Pilar  
Books, 2019.

ISBN: 9789672014300

Buku ini menceritakan tentang pengalaman para petugas kesihatan dalam mengendalikan proses kehamilan dan kelahiran. Turut diceritakan situasi-situasi yang mendebarkan, melucukan, menyedihkan dan mengembirakan. Fitrah kehamilan dan kelahiran menggambarkan kasih sayang, cinta dan juga harapan di dalam sesebuah keluarga. Bukan sekadar cerita berkaitan pengalaman kehamilan dan kelahiran sahaja, tetapi buku ini mengandungi banyak maklumat dan nasihat kesihatan yang sangat penting berguna kepada para bakal ibu bapa dalam menghadapi situasi kehamilan dan kelahiran. Oleh yang demikian, buku ini disarankan untuk dibaca kepada para wanita dan juga sesuai juga untuk lelaki. Buku ini telah menerima Anugerah Buku Negara di bawah kategori Penerbit Buku Perubatan Terbaik 2018 pada tahun 2018.

## SINOPSIS BUKU



DATUK MOHD YUNUS  
PATHI

**Buku ini potong stim!**


Petaling Jaya: MPH, 2019.

ISBN: 9789674155117

Buku ini menceritakan berkaitan ketagihan dadah dan cara-cara untuk mengawal ketagihan. Penyalahgunaan dadah merupakan masalah yang kronik di seluruh dunia. Melalui buku ini, Datuk Mohd Yunus Pathi mendedahkan dengan cara yang bersahaja tentang pengalaman peribadinya dan juga modul yang digunakan di seluruh dunia dalam usaha membebaskan diri dari belenggu penagihan dadah. Buku ini sangat sesuai untuk dibaca oleh setiap lapisan umur dalam usaha untuk menghindari diri daripada ketagihan dadah dan kembali bebas dari najis dadah. Banyak maklumat berkaitan ketagihan dadah, sebab ketagihan, akibat dan kesan ketagihan dadah, serta cara-cara menjauhkan diri dari gejala ketagihan dinyatakan di dalam buku ini. Rawatan dan nasihat untuk menghentikan diri dari ketagihan turut dibincangkan di dalam buku ini.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



EDITOR: JAIE RAMLEE

**Garis: an anthology of sketches**


Johor: Think city, 2018.

ISBN: 9789671605912

This sketch book project displays selected works from eight artists from Johor Sketchers with various career backgrounds. The project aims to raise the awareness on the importance of sketching in various things in life. It is crucial for those who are involved in arts to practice their skills in drawing and producing artworks. Sketching can also be practiced by non-artists as it helps one to visualize an idea better. Moreover, it is a form of therapy and self-meditation to express the inner feelings. The aim is also to acknowledge the people in general that the sketchers involved in this project come from different areas and backgrounds. This book provides a medium for beginner artists or non-artists to observe and learn on how the artists take various subjects in their artworks and at the same time maintain their personal touch and trademarks.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



SYED MAHADZIR SYED IBRAHIM


**Membongkar misteri tamadun dunia yang hilang**

Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2019.

ISBN: 9789675391965

Buku ini menceritakan tentang sejarah tamadun dunia yang sudah lenyap ditelan zaman. Ada di antaranya tidak langsung meninggalkan sebarang kesan sejarah, tidak ditemui sebarang artifak tinggalan malah dilupakan begitu sahaja. Namun begitu ada juga tamadun yang hilang tetapi masih dapat dihayati kewujudannya melalui pelbagai artifak tinggalan hasil dari penggalian pakar-pakar arkeologi. Antara tamadun yang sudah hilang ditelan zaman ialah tamadun Olmek, tamadun Aztek, tamadun Elam, tamadun Viking, tamadun Mesopotamia, tamadun Atlantis, tamadun Lemuria dan beberapa tamadun lagi. Melalui buku ini juga dipaparkan beberapa tamadun yang dirasakan menarik untuk dihayati dan diteladani kisah-kisahnya. Kesemua tamadun yang dipaparkan disertakan dengan bukti-bukti arkeologi dan catatan-catatan bersejarah yang ditemui oleh pengkaji termasuk misteri dan persoalan yang sehingga kini belum dapat dijawab untuk tatapan semua lapisan umur.

## SINOPSIS BUKU



AHMAD FIKRI, EMAN DHANI & KEKNIE

**Kilo VS kalori**


Kuala Terengganu : Kata Pilar Books, 2019.

ISBN: 9789672014522

Buku ini memaparkan statistik bagi tahun 2014 yang menunjukkan 30 peratus rakyat Malaysia menghadapi masalah obesiti dan merupakan negara yang tertinggi di Asia Tenggara. Ini bermakna jika anda sedang melepak di kedai makan bersama lima orang kawan, kemungkinan satu atau dua daripadanya adalah obes. Obesiti merupakan antara migrain utama sektor kesihatan selain daripada gejala merokok (apatah lagi jika obes dan merokok). Darah tinggi, kencing manis, strok, penyakit jantung dan pelbagai rantaian penyakit akan datang membelenggu selain perubahan bentuk badan dan kesusahan pergerakan akibat dari obes. Faktor sampingan disebabkan masalah obesiti akan memberi kesan sampingan yang sangat buruk terhadap penghidap. Penulis juga memberi pelbagai maklumat berkaitan dengan cara-cara bagi mengatasi dan mengubah hidup dari masalah obesiti.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



RIDUAN MAKHTAR

**Rahsia Pengutip Sampah Jadi Jutawan**


Bangi, Selangor: Maleq Rezqi Enterprise, 2020.

ISBN: 9789671719701

Buku ini mengisahkan bagaimana seorang pemuda yang dulunya hidup miskin dan pernah bekerja sebagai pengutip sampah namun akhirnya berjaya menjadi seorang jutawan. Jutawan yang bernama Mohamad Azlan Al Amin yang lahir dari keluarga termiskin di Kg. Tok Raja, Besut, Terengganu juga pernah dibuang sekolah kerana masalah disiplin. Malahan pernah bekerja sebagai pengutip sampah yang bergelumang dengan bau busuk sisa bahan buangan. Pengalaman dan kesukaran yang dilaluinya itu telah menjadi satu suntikan motivasi terunggul untuk beliau melangkah jauh demi mengubah nasib diri dan keluarga. Lalu pada Ramadhan 2010 beliau nekad keluar dari rumah dengan hanya sehelai sepinggang untuk mencari peluang baru bagi mengubah kemiskinan keluarga kepada kehidupan yang lebih selesa. Melalui buku ini, kita akan dapat mengetahui rahsia dan nilai-nilai murni dalam diri serta bagaimana kehidupan yang berlandaskan agama menjadi asas kepada kejayaan setiap insan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



VIJAYALETHCHUMY  
SUBRAMANIAM &  
KAVENIA  
KUNASEGARAN

**Panduan Asas &  
Intervensi Simptom  
Disleksia**


Serdang, Selangor:  
Universiti Putra Malaysia,  
2019

ISBN: 9789673449569

Buku Panduan Asas dan Intervensi Simptom Disleksia ini sangat berguna kepada guru-guru sekolah dan ibu bapa dalam menangani masalah pembelajaran disleksia. Buku ini mengandungi pengetahuan asas ilmu disleksia yang wajib diketahui oleh setiap guru dan ibu bapa. Ia memberi peluang kepada guru dan ibu bapa untuk mengenal pasti masalah pembelajaran disleksia dalam kalangan murid dengan menggunakan Saringan Intervensi Simptom Disleksia (SISD). Proses untuk mengenal pasti disleksia begitu penting supaya intervensi awal boleh dijalankan bagi membantu murid disleksia. Saringan Intervensi Simptom Disleksia dapat dijadikan rujukan bagi pakar psikologis, psikiatri dan doktor perubatan dalam proses pengesahan masalah pembelajaran disleksia. Buku ini akan dapat membantu guru sekolah, ibu bapa dan pakar perubatan dalam memastikan bahawa anak-anak disleksia tidak ketinggalan dalam pembelajaran dan kehidupan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



ROSSEM & RUDI  
MAHMOD


**100 Kartunis & Pelukis  
Komik Malaysia**

Kelantan: Balai Kartun  
Rossem, 2017

ISBN: 9789671508909

Sebuah buku yang memfokuskan karya-karya kartun, karikatur dan komik yang terdapat dalam "Balai Kartun Rossem (BKR)". Terdapat dua kategori, iaitu karya yang dipamerkan dan karya dalam bentuk buku, majalah yang disimpan dalam rak buku kartun/komik yang terdapat di BKR. Penghasilan buku ini akan memudahkan peminat, pengkaji sejarah kartun / komik Malaysia dan pelajar-pelajar universiti yang mahu melengkapkan tesis mereka tentang sejarah dan perkembangan kartun / komik di Malaysia.

## SINOPSIS BUKU



AZLAN SHAH NAZRUDIN &  
VIVIEN YEW WONG CHIN


**Remaja Obesiti Suatu  
Penerokaan Dari  
Perspektif Berbeza**

Bangi, Selangor: Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2019

ISBN: 9789674127732

Buku ini menawarkan suatu pengalaman yang berbeza kepada semua pembaca dengan isu-isu berdasarkan perspektif yang berbeza terhadap penyumbang utama kepada risiko obesiti. Arus pembangunan dan pemodenan hari ini memperlihatkan pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh Malaysia dalam memastikan aspirasi sebagai sebuah negara maju dapat dikecapi seperti yang dirancangkan. Sepanjang negara menyelusuri aspirasi ini, aspek kesihatan memainkan peranan penting untuk memastikan sumber yang ada mampu melaksanakan urusan sehari-hari dengan baik untuk tujuan kelangsungan hidup serta secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan negara. Masalah kesihatan utama dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan remaja antaranya adalah penyakit yang disebabkan oleh obesiti. Peningkatan statistik dalam kalangan remaja di Malaysia yang mengalami obesiti membawa suatu keimbangan kerana golongan ini merupakan aset kepada negara yang akan mewarisi kepimpinan pada masa hadapan.

## SINOPSIS BUKU



NURUL AZMAWATI MOHAMED  
**Kelawar dan Penyakit Berjangkit**  
Negeri Sembilan: Penerbit USIM,  
2019  
ISBN: 9789674406042

Buku ini merungkai fakta tentang kelawar iaitu satu-satunya mamalia yang boleh terbang. Kewujudan kelawar penting untuk keseimbangan ekosistem kerana kelawar membantu proses pendebungaan dan memakan serangga perosak. Walau bagaimanapun, kelawar juga boleh menyumbang kepada tersebarnya penyakit berjangkit dalam kalangan manusia dan haiwan lain. Antara penyakit berkaitan kelawar ialah Ebola, Marburg, Ensefalitis Nipah dan SARS-Coronavirus. Topik-topik berkaitan kelawar dan penyakit berkaitan dikupas dalam bahasa yang mudah dan sesuai dibaca oleh segenap lapisan masyarakat. Hasil daripada kajian, penulis mendapati bahawa tahap kesedaran masyarakat tentang penyakit bawaan kelawar adalah rendah. Masyarakat perlu mengetahui langkah-langkah awal yang patut diambil jika digigit atau bersentuhan dengan najis kelawar bagi mengelakkan jangkitan atau penyakit berkaitan. Dengan adanya buku ini diharap dapat meningkatkan pengetahuan umum tentang kelawar, penyakit-penyakit dan langkah-langkah pencegahannya.

